



قاليت بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 42

RABU 19 OKTOBER, 1983.

1404 رابو 12 محرم

PERCUMA

YDP Negeri Melaka mengadap Kebawah D.Y.M.M.

YANG DIPERTUA NEGERI MELAKA, Tun Haji Syed Zahiruddin bin Syed Hassan Al-Haj ketika mengadap ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada petang hari lepas di Istana Darul

berangkat sama di Istiadat Kebawah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Menteri Sahibol Himmah Walid Pengiran Muda Mahkota Bolkhiah; dan Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Dugadong Sahibol Pengiran Muda Jefri

Pembesar negara yang datanglah Y.T.B. Penasihat Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan. Berangkat dengan itu dalam rombongan mengadap yang lain. Lihat muka 24



YANG DIPERTUA NEGERI MELAKA, Tun Haji Syed Zahiruddin bin Syed Hassan Al-Haj ketika mengadap ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Kelihatan bersama beliau ialah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka Dato Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik. Di waktu yang sama isteri Tuan Yang Terutama, Yang Berbahagia Toh Puan Hajjah Halimah juga mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.



Guru2 berijazah diseru:—

CEBURKAN DIRI DI BIDANG PENDIDIKAN

Oleh: Muhaimin HM

GADONG. — Pengarah Kerja Raya, Y.B. Pengiran Dr. Ismail menggesa guru-guru yang telah memperolehi ijazah supaya akan terus menceburkan diri di bidang pendidikan sama ada di

sekolah tinggi maupun di sekolah rendah dan tidak semata-mata berhajat untuk menjadi pegawai pentadbir dan pengetua.

Jika ini dicapai, beliau percaya para graduan dari kalangan guru-guru akan dapat memberi nafas baru dan dinamis di bidang pelajaran sama ada dari segi penyampaian, cara menyampaikan dan perkara-perkara yang disampaikan dan ini akan dapat mewujudkan guru-guru profesional yang dikehendaki oleh negara bagi menjamin sistem pendidikan yang baik.

Y.B. Pengiran Dr. Ismail bin Pengiran Haji Damit, Pengarah Kerja Raya berucap demikian sejurus sebelum merasmikan Majlis Konvokesyen ke-11 Maktab Perguruan Sultan Hassanul Bolkhiah Gadong, bertempat di Dewan Jubli Perak maktab tersebut pada hari Sabtu lepas.

Y.B. Pengiran Dr. Ismail menyeru guru-guru di negara ini sama ada yang berijazah ataupun tidak supaya memberi perhatian yang berat dalam bidang kajian

yang meliputi aspek-aspek pelajaran.

"Kita tidak boleh menerima bulat-bulat laporan dan sokongan yang dibuat di luar negeri tanpa membuat perhitungan dan penilaian sendiri kerana laporan dan sokongan yang dibuat di luar negeri sudah setentunya mempunyai asas dan penilaian yang tersendiri yang boleh jadi lain dari yang terdapat di negara ini," ujarnya.

Beliau menggariskan beberapa aspek yang meliputi bidang kajian pelajaran, antaranya, masalah kelemahan penuntut-penuntut dalam mata-mata pelajaran sains, matematik dan bahasa Inggeris; prestasi penuntut-penuntut dari dalam dan luar bandar; kesan menggunakan sistem peperiksaan dengan cara 'multiple choice' atau aneka pilihan kepada

penuntut-penuntut dan keadaan suasana keluarga di rumah atau 'home environment' dalam pelajaran.

Dengan adanya kajian-kajian itu nanti dilaksanakan oleh anak-anak tempatan, beliau percaya sedikit sebanyak sudah tentu dapat memperbaiki nilai dan sistem pelajaran yang ada pada masa ini.

Menyentuh tentang kursus-kursus di bidang teknikal, Y.B. Pengiran Dr. Ismail menyatakan perlulah bidang tersebut ditumpukan kepada kehendak-kehendak negara dan keadaan industri yang ada ketika ini dan bukan hanya semata-mata untuk mendapatkan sijil-sijil dari sebarang laut.

Ini katanya, penuntut-penuntut bukan saja belajar tentang teori di bilik-bilik darjah bahkan mereka

didedahkan kepada situasi industri yang sebenarnya di negara ini, dan perkara itu boleh dibuat dengan menghendaki setiap penuntut menjalani 'industrial training' dengan pemborong-pemborong dan industri-industri di sini sekurang-kurangnya tiga bulan dalam satu tahun.

Seterusnya Y.B. Pengiran Dr. Ismail berkata sesungguhnya negara ini pesat membangun

(Lihat muka 24)

TANDATANGANI BUKU TAKZIAH

MANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan titah berutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Md. Taib, Pemangku Menteri Kerajaan selaku Menteri Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berutusan ke Pejabat Konsul Republik Korea

Selatan untuk menandatangani buku takziah berikutan dengan kematian 4 menteri kabinet semasa lawatan President Chun Doon Hwan ke Burma.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Md. Taib telah diiringi oleh Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Haji Ahmad bin Haji Jumat, Pemangku Ketua Jabatan Perkhidmatan Diplomatik berserta pegawai-pegawai kanan Jabatan itu.

MANISNYA IMAN

"Ya Allah! Sesungguhnya kupohonkan segala kebaikan yang khazanahnya di dalam kekuasaan-Mu, dan kupohonkan perlindungan dari kejahatan yang khazanahnya juga di dalam kekuasaan-Mu." HADIS Nabi Pasi-kan Al-Hakim dan Al-Baihaqi



19 OKTOBER, 1983.

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

MERDEKA:

DALAM MENJANGKA DAN MENGHARAPKAN PERUBAHAN

PERTUKARAN taraf kepada sebuah negara yang merdeka dan berdaulat sepenuhnya bagi Brunei hanya akan melibatkan tambahan beberapa tanggungjawab khusus dalam bidang pertahanan dan hal-ehwal luar negeri.

Kenyataan ini, seperti yang pernah terkandung dalam Titah Diraja, dan dijelaskan dalam gerakan Penerangan yang dibuat kepada orang ramai adalah berdasarkan fakta bahawa Brunei sedia menikmati berkerajaan sendiri dalam negeri. Lebih-lebih lagi ialah kuasa memerintah dan kedaulatan ke atas negara dan rakyat sudah

sedia berada dalam tangan Brunei bukan dalam tangan United Kingdom.

Setakat ini kenyataan tersebut boleh dikatakan diterima di peringkat orang ramai. Fakta-fakta sejarah dan undang-undang yang mendukung kenyataan itu bukan sahaja jelas bahkan didapati menyedarkan banyak kalangan akan kepentingan fakta-fakta tersebut diberikan penekanan dalam pelajaran sejarah dan sivil di sekolah-sekolah.

Persoalan yang berbangkit, dan dapat diramalkan akan terus dikemukakan di mana-mana ialah sejauh mana pertambahan tanggungjawab khusus dalam bidang pertahanan dan hal-ehwal luar negeri itu akan mempengaruhi keadaan dalam negeri khusus dalam hal-ehwal Kerajaan. Soalan yang didengar setakat ini sebenarnya bukan semata-mata soalan. Ia adalah manifestasi dari jangkaan dan harapan bahawa pencapaian kemerdekaan akan membawa perubahan-perubahan, dan yang sangat ketara dijangkakan oleh orang ramai ialah perubahan dalam hal-ehwal pemerintahan.

Mengenai hal ini, penerangan yang diberikan cuba mengelakkan orang ramai dari terkeliru mengenai perubahan dalam Kerajaan atau pemerintahan. Jika yang dimaksudkan dengan jangkaan dan harapan

perubahan dalam pemerintahan itu ialah perubahan coraknya maka orang ramai telah diberitahu dengan tegas dan jelas bahawa perubahan sedemikian itu tidak perlu dan tidak akan berlaku. Corak pemerintahan Brunei yang turun-temurun sebagai negara Bersultan dengan pemerintahan secara Beraja adalah tunggal kekuatan Brunei sehingga menjadikannya kekal sebagai sebuah Kesultanan Melayu Islam. Kita tidak fikir jangkaan dan harapan mengenai perubahan itu ialah perubahan dalam tunggal atau asas kekuatan kita itu bahkan bukan itu yang dimaksudkan. Sebab bagi kita selaku rakyat dan penduduk yang cintakan Brunei maka kecintaan itu ialah kepada ciri-ciri penting kenegaraan yang bukan sahaja menjadi kebanggaan bahkan juga merupakan sebahagian cara hidup kita selaku orang Brunei. Dengan yang sedemikian memang tidak ada sebab untuk sesiapa menjangkakan dan patut mengharapakan perubahan corak pemerintahan Beraja akan berubah.

Jadi, perubahan yang dijangka dan diharapkan dapat difahamkan sebagai setakat mengenai cara dan gaya pemerintahan diuruskan dan hal-ehwal Negara, Kerajaan dan rakyat dikendalikan. Jangkaan dan harapan sedemikian memang perkara biasa dalam orang memberi perhatian

terhadap pertukaran taraf Brunei kepada sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat. Dan kerana itu gerakan Penerangan kepada orang ramai setakat ini sedapat daya memahami bahawa cara dan gaya yang akan berubah, jikapun ada, tentulah tidak secara radikal dan mengejut. Perubahan apa pun tentu sekali akan mengambil kira keperluan dengan cara yang setemunya juga difikirkan cocok dan sesuai. Tidak ada perubahan yang selar-larahnya dan kita akan memastikan bahawa kepentingan sebenar negara dan rakyat akan sentiasa diambil kira.

Setakat itu orang ramai setemunya wajar diingatkan supaya dalam menjangkakan dan mengharapakan sesuatu perubahan akan sentiasa mengelakkan dari perkara-perkara yang boleh menimbulkan pergagutan sesama sendiri. Suasana dan keadaan kita yang sedia mautap lama sebelum menjelang kemerdekaan ini mestilah kita kekalkan sebagai sebahagian daripada sumbangan yang terpenting kepada kemerdekaan itu. Kemantapan itu adalah berkat sokongan dan kerjasama kita kepada Kerajaan terutama sekali kepada pemimpin tertinggi negara dan pemimpin-pemimpin dalam Kerajaan. Kita boleh terus menaruh kepercayaan akan kebijaksanaan semua pihak.

BERIKUT ialah ucapan Y.B. Dr Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit, Pengarah Jabatan Kerja Raya di majlis Konvokesyen ke-11 MPSHB, Gadong bertempat di Dewan Jubil Perak maktab tersebut pada 15 Oktober, 1983.

YANG Berbahagia Pengarah Pelajaran, Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassanul Bolkhiah, Gadong, serta keseluruhan pegawai-pegawai Maktab ini telah bermurah hati menjemput saya hadir untuk menyempurnakan perasmian majlis Konvokesyen MPSHB kali ke-11.

Di atas penghormatan yang diberikan kepada saya ini, saya tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih.

Kepada penuntut-penuntut yang akan menerima sijil-sijil mereka di majlis ini, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah ke atas kejayaan mereka itu dan saya berharap dengan adanya kelulusan yang dicapai ini, maka dapatlah penuntut-penuntut ini nanti memberikan khidmat cemerlang mereka dalam mendidik dan melatih penuntut-penuntut muda kita yang akan bakal menjadi pekerja dan pemimpin negara Brunei Darussalam di masa yang akan datang.

Jika kita perhatikan negara-negara yang maju ataupun sedang maju di dunia ini, kita dapati yang mereka ini bukan saja memberikan perhatian yang tinggi terhadap bidang pelajaran, tetapi mereka ini juga mempunyai sistem pelajaran mereka sendiri yang disesuaikan mengikut inspirasi kehendak negara-negara itu masing-masing. Mereka tidak meniru sistem pelajaran negara lain secara buta sahaja tanpa membuat penilaian dan penelitian di negara mereka terlebih dahulu.

PERUNTUKAN YANG BESAR

Di negara kita, bidang pelajaran sememangnya diberi perhatian yang tinggi oleh kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sejak bertahun-

tahun lagi. Ini boleh kita buktikan dengan:

(a) Adanya peruntukan yang besar yang disediakan untuk membina dan menambak sekolah-sekolah baru di seluruh negara.

(b) Adanya pelajaran percuma dari peringkat rendah hingga ke peringkat Universiti yang diberikan kepada semua lapisan rakyat.

(c) Adanya kemudahan tempat-tempat tinggal bagi penuntut-penuntut dan guruguru.

(d) Adanya kesempatan dan peluang bagi guru-guru melanjutkan dan mendalami lagi pelajaran dan pengetahuan mereka.

(e) Dan kemudahan-kemudahan lain seperti menyediakan kenderaan, makanan dan minuman kepada penuntut-penuntut yang memerlukannya.

Negara Brunei Darussalam juga mempunyai sistem pelajaran yang sendiri yang perlu kita fahami dan diamlkan setiap hari dan jika perlu harus diperbaiki atau diperkembangkan lagi mengikut kehendak dan arus kemajuan negara. Sistem pelajaran itu haruslah dinamik dan bukannya pasif.

Setakat ini sistem pelajaran kita telah dapat menghasilkan para intelektual dan pekerja-pekerja mahir dan separuh mahir yang dapat mengisi kekosongan di jabatan-jabatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan sedikit sebanyak di bidang swasta. Sistem pelajaran kita juga dapat menghasilkan rakyat yang beragama lebih-lebih lagi dalam Uagama Islam, taat terhadap Sultan dan Negara, berdisiplin dan mengetahui dan mengenal akan sejarah dan kebudayaan negara kita Brunei Darussalam.

Walau macam manapun kita tidak dapat berpuas hati dengan keadaan sekarang dan terus berpeluk tubuh dan tidak mahu berbuat apa-apa.

SISTEM PELAJARAN

Ini tidak boleh dibiarkan terutama sekali apabila kita mengetahui yang hampir 50 peratus dari rakyat kita terdiri dari penuntut dan anak-anak damit yang sedang dan akan mengikuti pelajaran masing-masing. Mereka inilah yang akan menjadi pemimpin dan pekerja kita di masa yang akan datang. Kemajuan dan kemakmuran negara kita di masa akan datang akan bergantung kuat kepada kesanggupan dan kualiti mereka ini nanti.

Salah satu jalan untuk menuju ke arah ini ialah dengan melalui sistem pelajaran yang baik dan teratur.

Sistem pelajaran merupakan investment jangka panjang di mana kesannya hanya akan dirasa dan dilihat selepas beberapa tahun.

Dari itu jika kita ingin melihat supaya anak-anak atau generasi muda kita hari ini akan membesar menjadi rakyat yang terpelajar, taat kepada negara dan sultan, mahu berusaha sendiri dan rajin, maka investment kita dalam bidang dan sistem pelajaran mestilah diatur dan sempurnakan dari sekarang.

Fakta-fakta yang boleh membaiki dan lebih penting lagi yang boleh merosakkan perjalanan sistem pelajaran kita harus dikaji. Perkara-perkara yang boleh membaiki sistem pelajaran mesti diketengahkan dan yang boleh merosakkan dibuang dan dihapuskan secepat mungkin.

KEMAJUAN NEGARA BERGANTUNG KEPADA PELAJARAN RAKYAT

2,500 MENGANGGUR

Ketika ini, semasa negara kita tengah pesat membangun yang sendirinya banyak membuka peluang-peluang pekerjaan, masih terdapat kira-kira 2,500 pengangguran di kalangan rakyat. Ini sangatlah menyedihkan. Masalah yang kita hadapi ialah SIKAP memilih kerja. Kebanyakan dari rakyat negara ini lebih suka bekerja dengan kerajaan dan tidak mahu bekerja dengan pihak-pihak swasta seperti pemborong dan lain-lain yang banyak memerlukan pekerja2 mahir dan separuh mahir.

Begitu juga dengan lepasan sekolah-sekolah Teknikal seperti dalam bidang-bidang tukang kayu, tukang simen dan lain-lain lagi banyak yang enggan bekerja dengan pihak-pihak swasta sebagai pekerja-pekerja mahir dan separuh mahir kerana mereka menganggap yang kelulusan mereka itu lebih tinggi dari yang sepatutnya diakui oleh pihak swasta.

Dan yang lebih penting lagi ialah mereka ini nampaknya tidak mempunyai persediaan untuk menghadapi atmosphere pemborong yang sebenarnya di mana satu-satu kerja itu harus dibuat dengan segera dan efisien mengikut perincian yang telah ditentukan.

Tempat kerja kadang-kadang di bandar dan kadang-kadang di pedalaman dan di tempat-tempat yang terpencil dan terpaksa perlu dijalankan dalam kawasan terbuka tidak terlindung dari hujan dan panas.

Sikap memilih kerja haruslah dihapuskan sama sekali. Pihak ibu bapa dan para guru boleh memainkan peranan penting dalam hal ini dengan menasihatkan dan



memberi tunjuk ajar kepada anak-anak dan penuntut-penuntut akan betapa buruk dan tidak baiknya sikap seperti ini.

KURSUS TEKNIKAL

Kursus-kursus teknikal di negara ini juga patutlah ditumpukan lebih kepada kehendak-kehendak dan keadaan industri yang ada pada masa ini dan bukannya semata-mata untuk mendapatkan sijil-sijil dan certificate-certificate dari seberang laut saja. Ini bermakna penuntut-penuntut bukan saja belajar mengenai dengan teori di bilik-bilik darjah, bahkan penuntut-penuntut mestilah didedahkan kepada situasi industri di Brunei yang sebenarnya. Ini boleh dibuat dengan memerlukan tiap-tiap penuntut itu menjalani Industrial Training dengan pemborong-pemborong dan Industri-Industri lain di sini sekurang-kurangnya 3 bulan dalam satu tahun.

Selain dari itu, kita juga harus berusaha untuk mendorong dan memperbanyakkan lagi penuntut yang mengikuti kursus-kursus dalam bidang teknikal untuk:

(a) Memenuhi kehendak-

kehendak dalam bidang-bidang industri pembinaan, agriculture, gas dan minyak, dan electro-mechanical yang banyak diisikan oleh pekerja-pekerja dari luar negeri.

(b) Membantu mewujudkan pemborong pemborong yang berpengetahuan teknikal dan berpengalaman yang boleh berusaha sendiri tanpa bergantung kepada bantuan dari pekerja-pekerja atau teknikal manager dari luar negeri, seperti mana yang telah dihasratkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Kita juga patut berusah kerana dengan adanya kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam banyak dari guru-guru telah dapat dan sedang melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.

Ini bertujuan untuk meningkatkan lagi kualiti guru supaya mereka ini dapat memimpin dan mengawal penuntut-penuntut dengan lebih baik dan lebih lagi. Dari itu sara bina kepada guru-guru yang berijazah itu tidak semata-mata untuk menjadi pentadbir dan pengetua semata-mata. Malah adalah diharapkan supaya banyak dan penuntut-penuntut ini akan terus memajukan diri mereka secara sendiri dalam pendidikan di bilik darjah baik di peringkat tinggi mahupun di peringkat rendah. Jika ini tercapai, maka sara bina para graduan ini akan memberi nafas baru dan dinamik dalam bidang pelajaran dari segi penyampaian bahan yang disampaikan lain-lain lagi. Penuntut-penuntut dapat mewujudkan profesional yang kita kehendak untuk jamin pelajaran dan pendidikan yang baik.

Lihat muka

KLUB POLO

TEWASKAN

PASUKAN

SSACHUSSETS

Pasukan Diraja Brunei oleh Kebawah Maha Mulia Baginda Sultan Pertuan Negara malam minggu mengadakan persahabatan Pasukan Polo dari Amerika.

tersebut telah di Jerudong Park mana pasukan Duli Yang Maha telah berjaya pasukan pihak jaringan 11

Duli Yang Maha yang memimpin Kelab Polo Diraja telah disertai oleh baginda Yang Maha Paduka Seri Pengiran Digadong dan Pengiran Muda

Massachusetts dalam rangka lawatan ke negara ini

yang diambil Pengiran Yaakob Pengiran ini menunjukkan kedua-dua pasukan dalam perlawanan


bertanding dalam Drama

Merdekaaan

SERI BEGA- Sebanyak 15 buah dari Daerah Brunei akan menyertai awal pertandingan kemerdekaan yang diadakan di Pusat Belia pada 24 Oktober dan 25 November depan jam 7.30 malam. pertandingan itu nanti akan diadakan 4 buah pasukan bagi mewakili Brunei dan Muara ke negara yang akan diadakan.

pengkat daerah dua penghargaan akan kepada kumpulan yang menang satu johan dan akan menerima hadiah sebanyak 1000 dan \$700.00. pertandingan itu dua lagi akan dipilih untuk pertandingan akhir penghorng tunai sebanyak 1000 dan \$700.00.

pengarah terbaik menerima wang tunai \$500.00. Pelakon terbaik akan menerima wang tunai \$300.00. Pelakon terbaik akan menerima wang tunai \$200.00. Pelakon terbaik akan menerima wang tunai \$100.00. Pelakon terbaik akan menerima wang tunai \$50.00.



SISTEM EJAAN RUMI BARU BAHASA MELAYU


Soalan 1 : Pelajaran 3 yang telah disiarkan dalam Pelita Brunei bertarikh 13 Julai 1983 halaman mengenai rajah Sistem Keselarasan Huruf Vokal, nampaknya adalah satu cara yang lebih mudah untuk mengingat keselarasan huruf vokal itu.

Jawapan : Sila lihat rajah Pola Huruf Vokal Tidak Berubah.


Suku Kata Praakhir	Suku Kata Akhir Tertutup	Contoh
1 a	a	alat, balak, jalan, pejabat
2 e pepet	a	emak, kemas, penat, semenjak
3 e taling	a	enak, tembak, temberang, sekerak
4 e taling	e taling	beleak, lecek, keledek, selekeh
5 e taling	o	esok, tengok, selekoh, pelecok
6 i	a	hitam, bintang, keringat, sembilan
7 o	a	kotak, lobak, tengkorak, olek, boleh, gores, celoteh
8 o	e taling	tolong, golong, tengkolok, kelompok
9 o	o	ubat, hutan, sukan, rambut
10 u	a	

Kita boleh merumuskan kesepuluh-sepuluh pola ini menjadi sifir yang boleh memudahkan kita menghafal untuk menentukan ejaan sesuatu perkataan berubah atau tidak.

Cuba perhatikan suku kata praakhir. Vokal a dalam pola pertama, e pepet pola kedua, e taling dalam pola ketiga hingga kelima, i pola keenam, o pola ketujuh hingga kesembilan dan u dalam pola kesepuluh. Oleh itu, kalau disusun, ia menjadi: —




Sekarang, cuba lihat suku kata akhir tertutup. Vokal a dalam pola pertama, kedua, ketiga, keenam, ketujuh dan kesepuluh. Maka dapat disimpulkan begini.




Jika a, e, i, o dan u dalam suku kata praakhir bertemu a dalam suku kata akhir tertutup tidak akan berubah.

Pola keempat e taling dan pola kedelapan o bertemu e taling dirajahkan: —



Pola kelima e taling bertemu o dan pola kesembilan o bertemu o boleh dirajahkan bersama pola keempat dan kedelapan e taling dan o bertemu e taling.



Maka, jikalau e taling dan o bertemu e taling dan o, mereka tidak berubah.

Ejaan Lama		Ejaan Baru		Contoh	
Suku Kata Praakhir	Suku Kata Akhir Tertutup	Suku Kata Praakhir	Suku Kata Akhir Tertutup	Ejaan Lama	Ejaan Baru
1 a	— e taling	a	— i	aleh,	alih,
2 a	— o	a	— u	tarek,	tarik,
3 e pepet	— e taling	e pepet	— i	batok,	batuk,
4 e pepet	— o	e pepet	— u	payong	payung
5 i	— e taling	i	— i	lebeh,	lebih,
6 i	— o	i	— u	petek	petik
7 u	— e taling	u	— i	tempoh,	tempuh,
8 u	— o	u	— u	telor	telur
				pilih,	pilih,
				tindeh	tindih
				bingong,	bingung,
				riuh	riuh
				usek,	usik,
				kueh	kukuh
				pulok,	puluk,
				kukoh	kukuh

Dari rajah pola huruf vokal berubah, bentuk yang sama dapat diperolehi daripada cara tadi. Kedelapan-delapan pola yang berubah ini terdiri dari pada vokal a dalam pola pertama dan kedua, e pepet dalam pola ketiga dan keempat, i kelima dan keenam, dan vokal u dalam pola ketujuh dan kedelapan.

ANGKATAN LAUT BERJAYA DALAM LATIHAN "RAJAWALI TIGA"

Oleh: Ahad Ismail

ANGKATAN Laut Pertama Askar Melayu Diraja Brunei telah mengadakan latihan dengan menggunakan peluru berpandu, jenis EXOCENT yang bermula pada 12 Oktober dan berakhir pada 13 Oktober yang lalu.

Ini adalah latihan tahunan yang terbesar pernah diadakan bagi Angkatan Laut Pertama Askar Melayu Diraja Brunei yang diberi nama 'RAJAWALI TIGA'. Sebelum ini, Pasukan Angkatan Laut Pertama juga telah mengadakan latihan-latihan intensif seumpama itu dalam tahun 1979 dan akhir sekali pada tahun 1982, yang mana peluru berpandu Exocent juga telah digunakan dalam latihan tersebut.

Latihan kali ini diketuai oleh Pegawai Pemerintah Angkatan Laut Pertama, YDM Pehin Datu Juragan Laila Diraja Lt. Kolonel Dato Paduka Awang Kifli, serta di bawah arahan skuadron Komander Major C.A. Howeson yang juga menyampaikan penerangan dan taklimat-taklimat kepada pegawai-pegawai pemerintah kapal masing-masing tentang latihan serta aturcara yang akan dibuat semasa latihan.

OPERASI LATIHAN

Kapal-kapal yang menyertai latihan Rajawali Tiga ini ialah antaranya kapal KDB WASPADA, KDB SATERIA, KDB PEJUANG, dan dipanggilkan 'Missile Gun Boat'. Di samping itu sebanyak tiga buah lagi kapal bot peronda, dua buah kapal pendarat tentera dan kelengkapan, serta dua buah kapal dari Angkatan Laut Diraja British, telah mengambil bahagian. Dalam pada itu sebanyak empat buah helikopter dari Cawangan Udara Askar Melayu Diraja Brunei turut mengambil bahagian dengan memerhatikan pergerakan

kapal-kapal yang menyertai latihan tersebut.

Sepanjang latihan yang berjalan pada waktu-waktu siang dan malam itu, anggota-anggota Angkatan Laut meneruskan latihan penggunaan perahu-perahu kecil yang dinamakan 'sea boat', di mana perahu ini amat berkesan tindakannya sebagai perantaraan di antara satu satu kapal kepada kapal lain. Mereka berperanan sebagai memberikan bantuan serta pertolongan dalam satu-satu operasi atau tindak cepat seandainya terdapat kesulitan-kesulitan dalam menghadapi musuh.

Anggota-anggota tersebut juga membuat persiapan latihan lain seperti gundry, mengisi minyak dan menguji senjata ringan untuk persiapan selanjutnya.

Dalam pada itu sistem pengesanan radar amat perlu untuk mengesan haluan kapal-kapal dan mengamati kedudukan musuh. Radar tersebut adalah penting pada setiap kapal peluru berpandu, serta bot peronda untuk memastikan keadaan selamat dan membuat penganalisaan setiap maklumat yang diterima.

Latihan Rajawali Tiga ini melibatkan seramai 150 orang anggota tentera beserta pegawai-pegawai dari ketumbukan kapal-kapal Angkatan Laut Pertama. Kemuncak latihan tersebut ialah memusnahkan sebuah kapal musuh yang berada kira-kira 120 batu dari luar pantai perairan negara ini.

JEJAK MUSUH

Kedudukan kapal musuh dapat dikesan oleh Pasukan Angkatan Laut Pertama, pada tengah malam dan mereka memastikan bahawa kapal tersebut adalah kepunyaan musuh. Sehingga

KONTIGEN Armada dari Kapal-kapal yang menyertai latihan "RAJAWALI TIGA" yang dibantu oleh beberapa buah helikopter semasa melakukan serangan offensif.



INILAH Kapal yang bertindak sebagai musuh sedang berlabuh di perairan, sebelum dimusnahkan oleh Peluru Berpandu EXOCENT Angkatan Laut.

galah sebelah paginya kapal musuh tersebut terus diawasi serta diikuti oleh Pasukan Angkatan Laut, sementara menunggu arahan dari pihak berkenaan untuk membuat tindakan selanjutnya.

Sebaik-baik saja arahan diterima dari pihak berkenaan, maka kapal yang bertindak sebagai musuh dalam latihan Rajawali Tiga ini telah dimusnahkan dengan menggunakan peluru berpandu Exocent yang dilancarkan dari Kapal KDB PEJUANG serta menepati sasaran kapal musuh yang berada kira-kira 12 batu jauhnya daripada kapal KDB PEJUANG serta

kapal-kapal yang lain. Selain peluru berpandu, senjata-senjata berat seperti meriam dan machine gun juga turut digunakan dalam serangan tersebut sambil menghujani dengan peluru-peluru yang ditembakkan dari kapal yang mengambil bahagian.

MOTIF LATIHAN

Latihan pada hari-hari tersebut adalah bertujuan bagi menguji sejauh mana keupayaan kapal-kapal Angkatan Laut bertindak apabila menghadapi sebarang ancaman lebih-lebih lagi dalam keadaan genting.

Selain daripada itu,

Latihan Rajawali Tiga juga bertujuan untuk membimbing sejauh mana pegawai pemerintah kapal-kapal serta anak-anak buah kapal mengendalikan senjata-senjata dan melancarkan peluru berpandu. Latihan penggunaan senjata secara tektikal pada mengemaskan sebuah pasukan yang kemas dan mantap.

Pada keseluruhannya, latihan tersebut adalah berjaya memperlihatkan satu sistem pertahanan laut yang berkesan hasil daripada gabungan serta kerjasama di semua pihak yang menyertainya.

Berjaya jadi ahli bersekutu pengurusan risiko

SERIA. — Awang Mohammad bin Haji Ghazali, seorang pegawai bersekutu Sharikat Minyak Shell, telah berjaya melengkapkan sebagai salah seorang ahli Bersekutu Fakulti Pengurusan Risiko (Faculty of Risk Management).

Beliau diterima sebagai ahli tersebut setelah memperolehi kejayaan dalam satu kursus empat minggu di Britain baru-baru ini.

Melalui kursus tersebut, Awang Mohammad bin Haji Ghazali telah memperolehi Diploma dalam Pengurusan Keselamatan dan beberapa kelebihan lain yang menghindarkan insiden-kesalahan dalam menjalankan tugasnya.

Menurut beliau, latihan yang dijalankan di kapal Kathrine bersama-sama wakilkan berbilang negara amat besar faedahnya kerana ia adalah peluang untuk salah satu pihak untuk meluaskan pengetahuan dan pemahaman dalam hal mencegah dan menguruskan risiko.

Katanya lagi, beliau memperolehi kejayaan melalui latihan itu kerana wakilkan terpuji dan menentu untuk konsep-konsep yang berkaitan dengan keselamatan.

Sementara itu, beliau lagi telah berjaya memperolehi Diploma dalam bidang keselamatan yang diiktiraf oleh Antarabangsa Pengurusan Keselamatan.

Awang Haji Ghazali, yang telah berkhidmat sebagai pegawai Shell, telah memperolehi satu kursus semasa di kapal St. Katherine di London.



AWANG Mohammad bin Haji Ghazali sedang menerima sijil akuan beliau dari James Tye, Pengarah Umum Majlis Keselamatan British. Manakala gambar atas kanan Mr James menyampaikan diploma kepada Awang Ahmad bin Taha.

WASPADA TERHADAP TUKANG2 SIHIR

MARILAH kita sama-sama bertakwa kepada Allah dengan mengerjakan segala apa yang suruhan-Nya dan menaiki segala apa jua tangan-Nya.

Kita telah menerangkan jenis dosa besar di dalam khutbah-khutbah yang lalu. Sekarang kita masuk pula kepada dosa besar yang keempat iaitu sihir. Firman Allah Taala dalam Surah Al-Baqarah ayat 102, tafsir:

"Dan bukanlah Nabi Salaman yang tidak beriman, akan tetapi syaitanlah yang tidak beriman itu, mereka mengajarkan sihir kepada manusia."

Sementara hadis Nabi ada menyebut: "Jauhilah tujuh macam dosa besar," yang termasuk di antaranya ialah sihir.

Hukumannya amat berat. Setakat di dunia sahaja ialah dipukul dengan pedang. Sementara Sayidina Umar bin Al-Khattab Radhiallahu Anhu setahun sebelum beliau meninggal pernah memerintahkan pula ahli sihir lelaki dan perempuan dibunuh. Daripada Sayidina Ali Radhiallahu Anhu beliau berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: "Ada tiga jenis orang, mereka itu tidak masuk syurga. Pertama penagih arak, kedua orang yang memutuskan silaturahmi dan ketiga orang yang percaya dengan sihir." (Hadis riwayat Al-Imam Ahmad)

Sihir itu bermacam-macam keadaannya. Di dalam sebuah hadis marfu' daripada sahabat Ibnu Abbas Radhiallahu Anhu, katanya: "Jampi (jampi-jampi yang merosakkan akidah dan sesat), mengantung tangkal kepada

kanak-kanak dan binatang sihir semata-mata adalah dengan kepercayaan untuk memperdaya dan tangkal-tangkal itu boleh menipu manusia dan

Demikian juga perbuatan sihir untuk memecah-belahkan rumahtangga orang dan menceraikan-beraikan suami-isteri juga adalah termasuk ke dalam jumlah dosa besar ini, atau lain-lain perbuatan jahat untuk merosakkan silaturahmi, membahayakan harta benda, anggota dan nyawa, semuanya itu dosa yang tidak berampun.

mengelakkan bencana, dan 'Tiwalat' yakni sejenis sihir iaitu perbuatan untuk menyukakan suami kepada isterinya ataupun sebaliknya yang dilakukan oleh tukang-tukang sihir, adalah semua itu syirik kerana orang-orang yang melakukan atau mempercayainya percaya bahawa semua itu mempunyai kesan untuk mengubah takdir dan kekuasaan Allah."

Demikian juga perbuatan sihir untuk memecah-belahkan rumahtangga orang dan menceraikan-beraikan suami-isteri juga adalah termasuk ke dalam jumlah dosa besar ini, atau lain-lain perbuatan jahat untuk merosakkan silaturahmi, membahayakan harta-benda, anggota dan nyawa, semuanya itu dosa yang tidak berampun.

Perbuatan-perbuatan sihir oleh tukang-tukang

merosak. Mereka biasanya menghubungkan kegiatan mereka dengan jampi-jampi dan mentera-mentera sambil meminta pertolongan dan bantuan kepada jin-jin atau syaitan untuk menyampaikan hajatnya. Berkata As-Syeikh Ibnu Hajar Rahimahullah di dalam kitabnya 'Az-zawajir', bahawa tidaklah mengapa menjampi dengan membaca ayat-ayat Quran atau nama-nama Allah tetapi jika bacaan-bacaan dihubungkan dengan nama-nama syaitan seperti yang ada di dalam kitab-kitab azimat, maka adalah itu haram, berdosa besar atau kufur menurut bagaimana rupa bacaan. Menurut Allahyarham Al-Allamah Dato Syed Alwi bin Tahir al Haddad, bekas Mufti Kerajaan Johor pula di dalam kitab fatwanya yang dikumpulkan Jilid Kedua ada menyebut, "Bahawa adalah utama berubat dengan ubat-ubat yang

termaklum dan rukuk kepada Allah dengan doa." Hal ini menerangkan bahawa tidaklah ada tegahan berubat dan menjampi dengan ayat-ayat Quran, nama-nama Allah dan hadis-hadis Nabi s.a.w., sebagaimana pernah Nabi sendiri melakukannya kepada cucu-cucu Baginda, Sayidina Hassan dan Hussin Radhiallahu Anhum. Demikian telah di terangkan juga oleh Al-Imam Ahmad bin Muhammad bin Ibrahim bin Al-Khatibi yang terlebih dikenal dengan panggilan Al-Khatibi sahaja, tentang perkara menjampi dengan ayat-ayat Quran ini banyak disebut oleh kitab-kitab yang muktabar, tetapi mestilah difahamkan ianya semata-mata bagi mengambil 'tabarruk' meminta kepada Allah jua. Sebab Al-Quran itu sendiri juga adalah doa.

Mudah-mudahan dengan penerangan ringkas ini, orang-orang Islam akan mendapat faedah dan panduan yang berguna dalam mengenal mana-mana yang salah dan mana pula yang betul. Terutama pada masa yang akhir-akhir ini banyak kita dengar dan baca tentang bomoh-bomoh atau tukang ubat yang jahat dan sesat, yang tidak ragu lagi menjalankan pekerjaan-pekerjaan sihir. Oleh itu marilah kita sama-sama tingkatkan kewaspadaan kita terhadap anasir-anasir

yang durjana ini supaya kita tetap terpelihara dari tertipu dan diperdaya, dan juga yang lebih penting ialah terpelihara akidah kita dari dipesungkan oleh anasir-anasir ini.

Perbuatan-perbuatan sihir oleh tukang-tukang sihir semata-mata adalah memperdayakan dan menipu manusia dan merosakkan. Mereka biasanya menghubungkan kegiatan-kegiatan mereka dengan jampi-jampi dan mentera-mentera sambil meminta tolong dan bantuan kepada jin-jin atau syaitan untuk menyampaikan hajatnya.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 19 Oktober, 1983 hingga ke hari Selasa 25 Oktober, 1983 adalah seperti di bawah ini:—

Hari	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Matahari Terbit
19 Okt	12.12	3.30	6.11	7.26	4.33	4.48	6.05
20 Okt	12.12	3.30	6.11	7.26	4.33	4.48	6.05
21 Okt	12.11	3.29	6.10	7.24	4.33	4.48	6.05
22 Okt	12.11	3.29	6.10	7.24	4.33	4.48	6.05
23 Okt	12.11	3.29	6.10	7.24	4.33	4.48	6.05
24 Okt	12.11	3.29	6.10	7.24	4.33	4.48	6.05
25 Okt	12.11	3.29	6.10	7.24	4.33	4.48	6.05

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei di mulai dari pukul 12.45 minit tengah hari.

MEMBERI DAN MENERIMA

Oleh: Haji Mohd Nor Lubis bin Abdul Razak

DALAM situasi kehidupan ber-masyarakat, manusia senantiasa memberi dan menerima, sama ada berupa harta benda, tenaga ataupun buah fikiran, oleh kerana yang demikianlah agama Islam menggalakkan supaya setiap anggota masyarakat dalam itu mengamalkan dua perkara yang dapat menjamin keharmonian hidup masyarakat itu, yang pertama ialah melupakan pemberian atau budi yang telah diberikan kepada orang lain dan yang kedua ialah mengenang dan mengingati segala budi yang

diterima daripada orang lain.

Melupakan budi atau jasa yang telah diberikan kepada orang lain, adalah dimaksudkan supaya setiap manusia itu tidak henti-hentinya menabur budi dan jasa yang beraskan kepada keikhlasan dan supaya sipemberi budi itu senantiasa bersifat rendah diri dan tawaduk.

Di sebalik itu pula, kalau ia sentiasa diingat dan diungkit-ungkit sama ada dengan perkataan atau perbuatan, akan dapat menimbulkan sifat ria dan takbur, yang mana sifat-sifat ini sangat ditegah oleh agama.

Adapun mengingat dan mengenang pemberian atau budi yang telah diterima daripada orang lain adalah sebagai tanda

orang yang tahu membalas budi, dan membalas budi itu tidaklah semestinya dengan harta benda, cukuplah dengan ucapan terima kasih ataupun doa.

Di sebalik itu pula, kalau budi orang lain dilupakan atau tidak dibalas, walaupun orang yang menabur budi itu tidak berhajat kepada balasan, bererti ia telah tidak bersyukur kepada

Allah Taala, kerana dengan tidak mensyukuri budi orang, bererti ia juga tidak bersyukur kepada Allah Taala. Sabda Rasulullah s.a.w. yang maksudnya: "Di riwayatkan daripada Al-Asya bin Qais r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Sesungguhnya orang yang paling banyak syukurnya kepada Allah Taarakata Wataala ialah: Orang yang paling banyak terima kasihnya kepada sesama manusia."

Dalam satu riwayat lain: "Tidak dinamakan bersyukur kepada Allah, orang yang tidak

Bingkisan minggu ini

berterima kasih kepada manusia." (Hadis riwayat Imam Ahmad).

Taburlah budi dengan ikhlas tanpa mengharap-kan pujian dan kenanglah budi orang lain sebagai tanda mensyukuri nikmat pemberian Tuhan.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....

MENOLONG ANAK YATIM DAN JANDA

(Siri ke-196)

MENURUT Islam bahawa membantu orang sengsara adalah wajib, dari itu Islam mewajibkan mengeluarkan zakat pada harta-harta yang tertentu dengan kadar yang tertentu di atas orang-orang Islam yang memiliki harta yang tertentu, dan diwajibkan diberikan zakat itu kepada orang-orang Islam yang tertentu iaitu lapan bahagian Asnap, yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t., di dalam Al-Quran.

Islam mewajibkan harta Baitul-Mal sama ada Fai atau harta tawanan (ram-pasan) dan seumpamanya dibahagikan kepada orang-orang yang tertentu, dengan dibahagikan 5 bahagian, 4/5 bahagian daripadanya kepada Askar

yang sedia berkhidmat bagi pertahanan negeri dan 1/5 bahagian itu dibahagikan kepada 5 bahagian pula, satu bahagian diuntukkan kepada Rasulullah s.a.w., lepas wafat Rasulullah bahagian Rasulullah itu diberikan dan dibelanjakan pada Muslihat Am umat Islam, satu bahagian yang kedua diberikan kepada anak-anak yatim yang fakir atau miskin, satu bahagian yang keempat diberikan kepada kerabat Rasulullah s.a.w., dan satu bahagian yang kelima diberikan kepada Ibnu Sabil (kepada orang yang memulakan pelayaran yang tiada ada belanja pelayaran dan kepada orang yang belayar yang telah putus belanja pelayaran dalam pelayaran itu). Anak

yatim, fakir miskin dan Ibnu Sabil dipersyaratkan tiap-tiap seorang dari mereka itu hendaklah orang Islam.

Kemudian apabila zakat tiada mencukupi atau tiada ada zakat dan apabila tiada 1/5 bahagian muslihat Islam dari Baitul-Mal atau tiada dapat dikeluarkan daripadanya oleh sebab suatu hal dan halangan, maka jika ada di sana wakaf am, nazar am, kifarrah dan wasiat am atau seumpamanya, maka wajib diberi dan dibantu orang yang dalam kesengsaraan itu dari bahagian atau kumpulan harta-harta itu.

Kemudian apabila tiada zakat dan tiada ada 1/5 bahagian Muslihat Umat Islam dari Baitul-Mal dan

tiada ada sumber-sumber yang lain seperti wakaf am dan seumpamanya, maka wajib di atas orang-orang Islam yang ada lebih perbelanjaan hidup bagi dirinya dan bagi orang tanggungan yang wajib ia belanja seperti isterinya dan bapanya yang fakir, atau anaknya yang kecil lagi fakir, lebih lagi masa kadar setahun, sekalipun lebih belanja itu datang dari pendapatan yang biasa ia dapat dalam masa setahun seperti orang bergaji atau pemberian sara hidup dan seumpamanya, maka orang yang lebih belanja dari kadar masa setahun itu wajib di atasnya menolong orang yang dalam kesengsaraan itu.

SIAPAKAH ORANG YANG SENGSARA

YANG WAJIB DITOLONG OLEH ORANG BERADA ITU

Hendaklah orang yang sengsara itu orang Islam atau orang Zimmi atau orang kafir yang dibenarkan masuk ke negara Islam adalah orang yang Maksum. Erti maksum itu kalau orang Islam ia tiada meninggalkan sembahyang Fardu dan tiada melakukan zina. Jika ia sudah kahwin dengan akad nikah yang sah lalu melakukan zina dinamakan zina Muhsan, maka orang yang meninggalkan sembahyang Fardu dan orang zina Muhsan tiada wajib dibantu akan dia sehingga ia bertaubat dan sembahyang serta bertaubat dari zina dan berhenti. Harus dibiarkan dia mati lapar atau

dibiarkan ia mati lapar atau merana, sebab ia menghormat dengan sebab sembahyang dan berzina. Maka ia tiada bertakut orang atau binatang yang Maksum atau orang yang meninggalkan sembahyang, orang dan binatang itu mati pada mereka.

WALLAHU A'LAM (Bersejarah)

PERBUATAN ANASIR SESAT DIDEDAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu pendedahan telah dibuat mengenai perbuatan memperdayakan orang-orang Islam di negara ini oleh anasir-anasir yang sesat yang cuba membabitkan ajaran-ajaran suci Ugama Islam.

Pendedahan ini telah dibuat oleh Timbalan Kadi Besar, Brunei Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, semasa memberikan syarahan khas di Majlis Musababah Membaca Al-Quran Jabatan-Jabatan Perhubungan Dan Pengangkutan, Brunei Kali Kedua 1404/1983 bertempat di Dewan Raya Radio dan Talivesyen, Brunei pada 8 Oktober, 1983 yang lalu.

BOMOH

Y.D.M. Pehin Udana Khatib telah menceritakan bagaimana sepasang suami isteri pernah menemui beliau dan menyatakan bahawa mereka pernah ditipu oleh seorang bomoh yang

mengubat dengan jampi-jampi dan mengenakan dengan pikaras emas. Bomoh itu juga memberikan suatu azimat yang dibungkus dengan kain hitam. Bomoh tersebut berpesan supaya jangan sekali-kali azimat itu dibuka, jika dibuka akan mendatangkan bencana. Pasangan ini, sehingga aduan itu dibuat tidak berani membuka azimat tersebut. Mereka juga memberitahu, bahawa selama di dalam perubatan itu mereka telah mengeluarkan wang lebih kurang tiga ribu ringgit untuk bomoh tersebut.

Mengenai azimat, manakala dibuka, kedapatan ianya berupa sehelai kertas yang berlipat-lipat mengandungi lukisan seakan-akan seekor naga dan juga beberapa baris tulisan seakan-akan tulisan jawi, tetapi tidak boleh dibaca, kerana bukan bahasa Melayu dan bukan juga bahasa Arab. Bahasa apa tidak diketahui.

Syarat-syarat yang dikenakan oleh bomoh itu kepada pesakit ialah sembahyang dan banyak-banyak beribadat, sedangkan ianya tidak menampakkan kelakuan seorang ahli ibadat.

BERPURA-PURA

Mengulas perkara ini, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib berkata, bahawa bomoh ini sudah terang memperdaya orang Islam dengan caranya membabit-babikan Ugama Islam dan berpura-pura menyuruh orang lain sembahyang, sedang dia sendiri mengamalkan pekerjaan yang tidak betul dan terang sesatnya. Orang ini mujurlah bukan orang Brunei dan telah

meninggalkan Brunei bila dikesan.

Yang Dimuliakan Pehin seterusnya berkata, bahawa kita orang-orang Brunei perlulah sentiasa berjaga-jaga daripada anasir-anasir yang cuba menjual ugama dengan harga yang murah. Jika terdapat orang-orang seperti ini baiklah cepat-cepat diadukan. Kita di Brunei mempunyai saluran-saluran yang sempurna dan cepat bertindak, iaitu sebelum anasir-anasir itu dapat merosakkan cara-cara kehidupan kita beragama yang sempurna dan kukuh di bawah pimpinan bi-jaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan yang sangat-sangat mengambil berat tentang kebajikan rakyat Baginda khususnya umat Islam di negara ini.

Lawatan ke Pusat Dakwah Islamiah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim dan Pegawai-pegawai Kanan JHEU serta dua orang pegawai dari Unit Perancang Ekonomi telah mengadakan satu tinjauan ke Pusat Dakwah Islamiah yang sedang dalam pembinaan.

Pusat yang berharga kira-kira \$17 juta itu terletak di persimpangan Jalan Kebangsaan dan Kompleks Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Kampung Pulaie kira-kira lima batu dari sini.

Bangunan yang setinggi tiga tingkat itu telah dimulakan pembinaannya pada tahun 1981 dan dijangka siap awal bulan Disember depan.

Di antara kemudahan yang Pusat itu nanti boleh memuat 400 orang bagi persidangan yang bertaraf

Dewan sembahyang dengan baik-baik TV yang baik liputan temuduga penterjemahan inggris alat persembahan dan telefon


Lain-lain kemudahan terdapat di Pusat kutub-kutub ceramah, dewan untuk memuat perkembangan pejabat-pejabat buah-buah diperlukan biasa.

Sambutan Tahun 1404 Hijrah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih banyak lagi acara-acara keugamaan akan diadakan bersempena dengan kedatangan tahun baru Islam 1404 Hijrah. Antara acara-acara sambutan itu termasuklah perhimpunan di masjid-masjid dan di surau-surau yang diisikan dengan syarahan-syarahan ugama oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei tidak ketinggalan memeriahkan sambutan tersebut. Mereka akan mengadakan sambutan itu pada hari Khamis esok bertempat di Dewan Gerak Badan Pusat Latihan Perkhemahan Bolkiah bermula jam 7.45 malam.

Antara acaranya termasuklah syarahan khas yang akan disampaikan oleh Y.D.M. Pehin Udana Khatib Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, Pemangku Kadi Besar Brunei.



KOMPLEKS Pusat Dakwah Islamiah dijangka siap hujung tahun ini.



PENGARAH Penerangan Awang Haji Badaruddin sedang menyampaikan ceramah kepada penuntut pusat yang menghadiri kursus itu.

BRUNEI sebuah negara kesultanan Melayu Islam

JALAN MUARA. — Dari segi sejarah turun-temurun negara kita telah dikenal hingga ke abad ini sebagai sebuah Kesultanan Melayu Islam yang diperintah oleh Raja atau Sultan-Sultan Melayu yang beragama Islam.

Pemerintahan beraja Melayu Islam itu telah berpengaruh ke atas hal-hal negara dan rakyat serta penduduk sehingga pengaruhnya itu berterusan sampai sekarang.

Oleh yang demikian sifat Melayu Islam itu menurut Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman adalah dominan ke atas kehidupan kita di negara ini dalam banyak aspeknya.

Beliau menjelaskan demikian ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh salah seorang penuntut di Rancangan Sivik Sekolah-Sekolah dan Maktab-Maktab, mengenai apa yang dimaksudkan dengan "Identiti keBruneian" seperti yang sering diucapkan.

Tambahnya, sungguhpun sehingga ini belum ada rumusan yang bersifat amunatif mengenai identiti keBruneian menerusi seminar atau kongres kebudayaan tetapi berdasarkan rumusan-rumusan Perlembagaan dalam perkara pemerintahan

agama rasmi dan juga rumusan undang-undang taraf kebangsaan dan Mengangkat Raja dapatlah kesemuanya itu dijadikan asas pada menentukan definisi identiti keBruneian.

Identiti keBruneian itu tidak semestinya dikaitkan dengan identiti Melayu di Nusantara seperti di Indonesia dan Malaysia. Sungguhpun — kita adalah sebahagian daripada Nusantara Melayu yang mempunyai banyak persamaan tetapi sifat dan corak Brunei dengan Melayu Islamnya menjadikannya unik dari sifat dan corak yang dominan di negara-negara lain di Nusantara Melayu.

"Brunei negara Melayu beraja. Raja-Rajanya adalah Islam, pengaruh Islam adalah kuat dan dominan ke atas kehidupan rakyat dan hal-hal negara. Segala unsur-unsur yang bercorak Raja Melayu Islam itu yang wujud sehingga zaman ini dan sebahagian penting daripada identiti keBruneian," tegas Pengarah Penerangan.

JALAN MUARA. — Dalam ceramah di Rancangan Sivik ke Sekolah-Sekolah dan Maktab-Maktab yang diadakan pada hari Khamis lepas di Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, Pengarah Penerangan Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman telah bercakap mengenai kemerdekaan Brunei dan latar belakangnya sebagaimana digariskan dalam Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama antara Brunei dan United Kingdom pada tahun 1979.

Menurutnya, Perjanjian

yang ditandatangani pada 7 Januari 1979 telah dicapai setelah menimbangkan bahawa Brunei bersetuju mengambil alih semula dengan secara penuh tanggungjawab antarabangsa sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka. Perjanjian tersebut mengandungi enam Fasal dan berjalan kuatkuasanya lima tahun dari tarikh 31 Disember 1978.

Menurut Pengarah Penerangan lagi, kandungan perjanjian tahun 1979 itu selain menyebutkan mengenai persetujuan kedua pihak un-

tuk menamatkan perhubungan-perhubungan Perjanjian Yang Istimewa yang bertentangan dengan tanggungjawab antarabangsa, ialah juga menyebutkan persetujuan untuk menggalakkan kerjasama dalam bidang pelajaran sains dan kebudayaan, memelihara perhubungan yang rapat dalam bidang perniagaan dan perdagangan; serta juga kesediaan Kerajaan British untuk memberi bantuan dalam bidang diplomatik, konsuler dan perkhidmatan dalam jawatan-jawatan awam, jika pihak Brunei menghendakinya.

Dalam mengakhiri ceramah itu Awang Haji Badaruddin menekankan bahawa mengukuhkan negara adalah menjadi tanggungjawab yang berat lagi dipikul oleh Kerajaan dan rakyat. Pencapaian kemerdekaan, tegasnya, akan mendedahkan kita dan pemimpin-pemimpin kita kepada cabaran ke atas keyakinan kita terhadap kemurniaan asas-asas kenegaraan yang sudah dirumuskan serta keupayaan mengembangkan menerusi berbagai cara yang sesuai.

Di majlis sivik itu juga, Pegawai Penerangan Awang Haji Junaidi bin O.K. Haji Safar juga telah menyampaikan ceramahnya yang bertajuk 'Kerajaan Kita' dan disusuli kemudiannya dengan soal-jawab dan perbincangan antara penuntut-penuntut sekolah tersebut dengan Pengarah Penerangan Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

Rancangan sivik ke sekolah-sekolah dan maktab-maktab yang pertama kali dianjurkan oleh Bahagian Penerangan itu akan dilartakan ke Pusat Tingkatan Enam, Gadong pada 31 Oktober ini hingga ke tahun 1984 kepada semua penuntut-penuntut sekolah dan maktab seluruh negara dengan maksud untuk memberi kefahaman yang lebih luas mengenai tatanegara, memahami tugas dan matlamat Kerajaan.

Majlis pada hari itu telah dihadiri oleh kira-kira 400 orang penuntut sekolah tersebut dan telah dipengerusikan oleh Pengetua Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, Awang Damit bin Haji Ibrahim.



PENUNTUT juga sempat mengadakan perbincangan.



DUA daripada penuntut yang mengemukakan soalan dalam soal-jawab.

Kursus Pentadbiran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Guru-Guru Besar dari Jabatan Pelajaran kini mengadakan Kursus Pendidikan di Pusat Tingkatan Enam Gadong. Kursus selama 10 hari itu dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran dengan kerjasama Unit Latihan Jabatan Perjawatan.

Pemarah penyarah dari Kementerian Pertanian Malaysia telah diundang untuk mengemudikan kursus tersebut.

Kursus yang julung-julung kalinya diadakan itu akan berakhir pada hari Sabtu 29 Oktober.



MUSABAQAH AL-QURAN JABATAN2 PERHUBUNGAN PENGANGKUTAN

MUSABAQAH Al-Quran antara Jabatan-Jabatan Perhubungan dan Pengangkutan telah berlangsung minggu lalu di Dewan Raya Radio dan Televisyen di ibu negara.

Musabaqah tersebut telah dirasmikan oleh Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Awang Haji Ibrahim, Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Musabaqah yang diadakan setiap tahun itu adalah dikelolakan secara bergilir-gilir oleh Jabatan-Jabatan berkenaan dan pada tahun ini pengelolaannya dikendalikan oleh Jabatan Telekom.

Seramai 8 orang peserta yang mewakili lapan buah Jabatan-Jabatan Perhubungan dan Pengangkutan telah bertanding dalam musabaqah tersebut.

Johan pada tahun ini telah disandang oleh Awang Mohammad bin Pehin Siraja Khatib Dato Setia Haji Md Tamin dari Jabatan Radio dan Televisyen, kedua Pengiran Hashim bin Pengiran Metussin dari Jabatan Telekom dan ketiga Awang Ahmad bin Minuddin yang mewakili Jabatan Laut.

Gambar: RTB



GAMBAR kiri - Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Laila Jasa Awang Haji Abdul Aziz bin Juned sedang menyampaikan satu ceramah khas di musabaqah itu. Atas kanan - Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa menyampaikan hadiah kepada pemenang musabaqah tersebut.



ATAS kiri - Pemenang pertama, Awang Mohammad bin Pehin Siraja Khatib Dato Setia Haji Md. Tamin sedang memperdengarkan bacaannya. Atas kanan - salah seorang peserta musabaqah, Awang Zunaidi Hamdan dari Jabatan Pengangkutan Darat. Bawah - kumpulan Nasyid Jabatan Telekom yang turut menyirikan majlis itu.



SEKITAR KONVOKESYEN MPSHB GADONG



Gambar: Ak Bakar PHO

GADONG. — Seramai 169 orang guru-guru lepasan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong telah menerima sijil masing-masing dari Y.B. Pengiran Dr Ismail bin Pengiran Haji Damit, Pengarah Kerja Raya Brunei dalam satu Majlis Konvokesyen kali-11 bertempat di Dewan Jubli Perak maktab tersebut pada hari Sabtu lepas.

Guru-guru yang telah menamatkan pengajian mereka di Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah selama tiga tahun terdiri dari aliran Melayu dan Inggeris. Termasuk dalam senarai penerima-penerima sijil pada pagi itu ialah 3 orang penolong pengajar teknikal yang telah berjaya mengikuti kursus dalam perkhidmatan selama dua tahun di maktab tersebut.

Guru-guru lepasan maktab itu telah berkhidmat sebagai tenaga pengajar di sekolah-sekolah menengah bawah dan sekolah-sekolah rendah sama ada di kawasan bandar maupun luar bandar di seluruh negara. Kini Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah telah melahirkan seramai 2,674 orang guru-guru yang terlatih sejak ianya didirikan dalam tahun 1971.




SEBAGAI tanda kenangan atas kesudian Y.B. Pengiran Dr. Ismail merasmikan Majlis Konvokesyen MPSHB, Pemangku Pengarah Pelajaran menghadiahkan sebuah cenderamata.



Awang Muhaimin bin Mumin telah menempuh berbagai rintangan dan cubaan dalam mengharungi kursus perguruan di maktab tersebut akhir sekali beliau telah berjaya menjadi penuntut terbaik keseluruhan bagi aliran Inggeris sesi 1980/83.

TIGA tahun semasa berada di maktab mungkin agak lama bagi Awang Muhaimin bin Mumin tetapi setelah menerima sijil kelayakan sebagai guru terlatih semuanya itu terasa bagai mimpi sahaja.



MAJLIS Konvokesyen ke-11 MPSHB bermula dengan Lagu Rasmi Maktab tersebut yang dipersembahkan oleh penuntut-penuntut maktab itu.

Kurang perhatian terhadap pelajaran Sains:

SIKAP PELAJAR DIKESALI

GADONG. — Pemangku Pengarah Pelajaran, Dato Paduka Awang Selamat bin Munap menyatakan rasa kesalnya terhadap sikap penuntut-penuntut kita di masa ini kurang menunjukkan sikap terhadap mata-mata pelajaran yang berbentuk sains dan kira-kira.

Katanya, mata-mata pelajaran seperti inilah asas bagi mendekatkan mereka kepada matlamat melengkapkan diri dengan keupayaan atau kemampuan menggunakan teknologi yang semoden-modennya bagi masyarakat dan bangsa kita.

Walaupun begitu tam-bahnya, teknologi tersebut tidak akan dapat dicapai tanpa adanya keupayaan atau kemampuan yang sepenuhnya, kerana teknologi yang ada di dalam berbagai-bagai bidang kalau digunakan dengan tepat akan mendatangkan faedah taraf kehidupan yang lebih mewah dan lumayan, ujarnya.



DATO Paduka Awang Selamat Munap

Beliau menyatakan demikian ketika berucap di Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil bagi Peraduan Projek Sains kali keenam anjuran Persatuan Pendidikan Sains Brunei yang ditaja oleh Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad yang berlangsung di Dewan Pusat Tingkatan Enam, Gadong di sini pada hari Jumaat lepas.

Terdahulu dari itu ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Yang Dipertua Persatuan Pendidikan Sains Brunei Ak. Haji Zaini bin Pg. Haji Kamaluddin yang antara lain berkata bahawa tujuan peraduan itu diadakan adalah membimbing potensi penuntut-penuntut ke arah cara berfikir yang boleh mengenal masalah, menganalisa, membuat jalan-jalan penyelesaian dan menguji tanggapan-tanggapan yang ada serta membuat kesimpulan.

"Kiranya potensi seperti ini dapat diasuh dan dibawa dalam menghadapi pelajaran harian dan semasa keluar bekerja, adalah suatu asuhan yang amat berharga dan berguna bagi menghadapi pelajaran diperingkat tertinggi nanti," tegas Yang Dipertua Persatuan Pendidikan Sains Brunei.

Di akhir ucapannya beliau berharap pada suatu masa nanti peraduan seperti ini akan diadakan sebagai satu daripada kumpulan 'Mingguan Sains' atau Science Weekend yang meliputi peraduan kuiz, seminar, bengkel, forum dan sebagainya untuk pegawai-pegawai, guru-guru dan penuntut-penuntut sekolah dengan dianjurkan oleh Persatuan Pendidikan Sains dan dengan kerjasama yang erat dan sokongan yang kuat dari Jabatan Pelajaran sendiri.

Bagi mewakili Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad, Pegawai Hal-Ehwal Masyarakat Shell Awg. Sharif bin Naweh juga telah memberikan sedikit ucapan.

Peraduan pada tahun ini yang dimulakan sejak bulan Mac lalu telah disertai oleh 13 buah Sekolah-Sekolah Menengah Kerajaan, Sekolah-

Sekolah Misi dan Pusat Latihan Pertanian Sinaut diseluruh negara yang telah mempertandingkan kira-kira 46 buah projek.

Johan Bahagian Sekolah Menengah Bawah ialah Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA) dengan projeknya "A scientific study of mosquitoes found in Brunei", naib-johan ialah Sekolah Inggeris Berakas dengan projek "The need of soil, fertilizer and water for growing groundnuts" dan tempat ketiga Sekolah Inggeris Perdana Wazir dengan "An investigation of 'Noise'".

Sementara Johan Bahagian Menengah Atas ialah Sekolah Inggeris Perdana Wazir dengan projeknya bertajuk "Effect of sound vibration on chick development", Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah mendapat naib-johan dengan projek bertajuk "An investigation into the practical problems using solar energy in the tropics" dan Maktab SOAS mendapat ketiga dengan projek "Computerised Plant Disease Diagnosis".

Manakala Pusat Latihan Pertanian Sinaut telah memenangi ketiga-ketiga projek yang dipertandingkan. Dan terbaik bagi keseluruhan Bahagian dengan memenangi hadiah istimewa dengan diberi peluang melawat sambil belajar ke Singapura telah dimenangi oleh Sekolah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA).

Sijil dan hadiah kepada peserta-peserta pertandingan dan pemenang telah disampaikan oleh Pengarah Pelajaran, Dato Paduka Awg. Selamat bin Munap yang juga turut menyaksikan projek-projek sains yang dipertandingkan.



SISTEM EJAAN BARU

Dari muka 3

Keempat-empat pola ini akan berubah apabila vokal suku kata akhirnya ialah e taling dan o, e taling ini akan menjadi i dan o menjadi u:



Kesimpulan



Inilah tiga buah sifir yang difikirkan mudah untuk mengetahui sama ada sesuatu perkataan berubah atau tidak.

KAUM IBAN DISERU BEKERJASAMA DENGAN SEMUA MASYARAKAT

PEKAN BANGAR. — Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Aziz bin Mohammad menyeru masyarakat Iban di daerah ini agar bekerjasama dan berganding bahu dengan masyarakat lain dalam memupuk persefahaman dan menghadapi pelbagai cabaran untuk mengwujudkan sebuah negara yang aman dan makmur serta progresif.

Mereka, kata Awang Abdul Aziz, meskipun merupakan satu golongan minoriti, tidak dapat lari dari tugas dan tanggungjawab sebagai penduduk di negara ini.

Berucap sebelum merasmikan Persatuan Masyarakat Iban Temburong di Dewan Kemasyarakatan di sini pada pagi Jumaat 14 Oktober lepas Pemangku Pegawai Daerah itu menegaskan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil berat tentang kehidupan semua rakyat dan penduduk negara ini tanpa mengira walau di mana mereka berada termasuk yang tinggal di pedalaman.

Hal itu terbukti, jelas beliau, dengan terdapatnya berbagai kemudahan yang disediakan berupa infrastruktur seperti jalanraya, bekalan air dan letrik serta kemudahan perkhidmatan doktor udara.

Berhubung dengan persatuan yang baru ditubuhkan itu, ia diharapkan akan dapat memainkan peranan penting membantu Kerajaan menyampaikan pelbagai maklumat kepada ahli-ahlinya.

Di samping itu mereka juga diingatkan agar akan



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Aziz bin Mohammad menyeru masyarakat Iban di daerah ini agar bekerjasama dan berganding bahu dengan masyarakat lain dalam memupuk persefahaman dan menghadapi pelbagai cabaran untuk mengwujudkan sebuah negara yang aman dan makmur serta progresif.

sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang negara.

Yang Dipertua Masyarakat Iban Temburong, Awang Abdul Aziz bin Mohammad, dalam ucapannya alu-aluan menjelaskan bahawa persatuan ini adalah bagi memajukan dan meningkatkan persefahaman masyarakat Iban di pedalaman dengan masyarakat lain di Brunei Darussalam.

Katanya, bagi memajukan persefahaman masyarakat Iban di pedalaman dengan masyarakat lain di Brunei Darussalam, persatuan ini akan mengadakan perjumpaan dengan masyarakat lain di pedalaman.

Majlis perjumpaan telah diadakan di Dewan Kemasyarakatan di sini pada pagi Jumaat 14 Oktober lepas.

Di antara hadirin ialah Ahli Dewan Undang Brunei Darussalam, Pegawai Hal-Ehwal Masyarakat Shell Awg. Sharif bin Naweh, ketua-ketua kampung dan ahli-ahli masyarakat Iban di pedalaman.



KELIHATAN Yang Dipertua PMIT sedang berucap kepada Pemangku Pegawai Daerah Temburong.

PASUKAN KEBANGSAAN GAGAL LAGI

SUKAN PELITA

Kelolaan:
Manaf Rahman

PASUKAN Kebangsaan sekali lagi gagal malah menari 'sumbang' serombang-ambing mengikut rentak ran- samba Brazil.

Keputusan dari pemain-pemain profesional Bahagian Rio ini lebih hebat dari mana.

Keputusan permainan dari kawalan bola, pertahanan individu, larian serangan-serangan mengelirukan, benar-benar memporak-perandakan permainan Pasukan Kebangsaan.

Itu dengan Argentina, para pemain dapat menangkap pemain mana yang benar-benar berbahaya, dengan pasukan yang terkenal menjuarai bola sepak dunia ini amat dibaca.

Pemadur dan Rio adalah pemain berbahaya Argentina, tapi dalam pasukan Rio siapa pun antara mereka boleh menyerang.

Kalau Edinho, Orlando Gonal atau Hitler dikawal yang lain akan menggempur dengan pantas. Alpa sekecil akan meluru para pemain ke arah gol.

Dari awal permainan lagi, mereka telah menunjukkan kepada lebih 12,000 penonton tempatan apa itu seni bola sepak Brazil. Hantaran yang kuat dan tepat, kuisan bola yang menarik sama ada dengan hujung kaki, melencong dengan tumit dan sebagainya cukup menakutkan.

Di minit ke-10 saja dengan hantaran cukup pantas membolehkan Cabral menjangkau gol pertama setelah beberapa beberapa pemain bersama Hitler dan Ali untuk memasukkan bola tersebut ke gawang masuk.

Setelah lepas itu, serangan dilanjutkan lagi dan kali ini para pemain menggempur dan

dapat dipintas dengan pantas oleh Jafari.

Setiap detik berlalu, kubu pertahanan Brunei menjadi mangsa oleh setiap pemain Pilihan Brazil, kecuali penjaga golnya yang tinggi, Ricardo Barros.

Tidak ada satu ruang yang kosong untuk Brunei mengatur serangan balas. Satu dijaga satu yang datang.

Peluang terbaik Brunei dalam perlawanan itu ialah di minit ke-37 bila Roslan menghantar bola ke tengah kepada Ahmad Metarsad yang terus membuat 'chip' kepada Zulkifli untuk merobohkan sebentar pertahanan Brazil.

Tewas 3 — 0 di tangan pilihan Rio De Jenerio dari Brazil

Zulkifli terus membuat tendangan kencang tepat kepada penjaga gol dan peluang kedua dapat juga ditepis oleh Barros.

Setelah mematahkan serangan ini Brazil membuat serangan mengejut melalui Nicanor di tepi sebelah kanan dan menghantar bola yang gagal ditangkap dengan baik oleh Ali untuk ditanduk masuk oleh Cabral bagi gol kedua.

Sepuluh masa kedua gagal memberikan apa-apa yang menarik malah hampir saja 12,000 penonton menyaksikan pergaduhan.

Kali ini tidak ada sambutan langsung yang ada hanyalah berbantahan dengan pengadil atau penjaga tepi. Setiap keputusan yang tidak memuaskan akan menjadi bahan 'pemulutan' para pemain pasukan undangan itu.



BARISAN pemain-pemain Pilihan Rio De Jenerio dari Brazil dan Pasukan Kebangsaan Brunei bergambar ramai sebelum perlawanan persahabatan itu dilangsungkan.



SALAH seorang pemain pertahanan Rio De Jenerio berjaya mematahkan dan merampas bola dari penyerang-penyerang pasukan kebangsaan kita Majidi Ghani di hadapan pintu gol lawan.

Kurang sefahaman jejaskan prestasi

JURULATIH skuad kebangsaan, Awang Haji Idris menyentuh kurangnya persefahaman para pemain telah menjejaskan sedikit prestasi pasukan kebangsaan dalam dua perlawanan tersebut.

Kurangnya persefahaman ini jelasnya mungkin berikutan dari kesuntukan masa latihan.

"Ianya juga telah menjejaskan persefahaman barisan penyerang dari rangkaian Roslan, Majidi dan Jaafar Sulong," ujarnya.

Menyentuh corak persembahan pasukan kebangsaan, Awang Haji Idris berpuas hati untuk setakat ini dan segala kelemahan yang ada mungkin dapat diatasi dalam latihan-latihan akan datang.

"Skuad kebangsaan dijangka akan menjalani latihan tiga kali seminggu bagi persediaan menghadapi beberapa kejohanan bolasepak yang mungkin disertai nanti," katanya.

Beberapa orang penyokong tempatan yang sempat ditemui memberi komen yang berbeza.

"Pasukan negara kita tidak mempersembahkan permainan di tahap yang

sebenar. Mungkin kerana lawan mereka adalah pasukan yang berpengalaman dan profesional," jelas salah seorang dari mereka.

Menurutnya, memang sukar untuk pasukan kebangsaan untuk menang tapi sedikit sebanyak mereka patut memberikan ganjaran yang baik terutama untuk hidangan para penyokong.

"Mungkin jika kelakonan mereka seperti di kejohanan Sukan SEA lepas, belum tentu kita mengalami kekalahan, jika kalah pun pasukan negara dapat memberikan satu persembahan yang cantik dan memuaskan," jelas seorang lagi.

hebat.....

PARA pemain kebangsaan mengakui bahawa bermain dengan Brazil lebih hebat dan sukar dari perlawanan dengan juara Pestabola Argentina.

"Mereka terlalu pantas dan sukar dikawal. Jika dengan Argentina kami dapat memberi sedikit tentangan, tapi dengan Brazil ini kami terasa diperbudakkan.

"Setiap serangan yang mereka lancarkan terlalu sukar untuk dibaca. Bagaimanapun melalui

perlawanan ini sedikit sebanyak kami mendapat satu pengalaman baru terutama dalam menghayati lagi permainan bolasepak ini," jelas mereka.

Sementara itu jurulatih pasukan Pilihan Rio, Daniel Pinto ketika menjelaskan tentang permainan pasukan kebangsaan berkata: "Pemain mereka cukup bagus dan bertaraf baik jika dibandingkan dengan negara yang kecil ini. Para pemain Brunei ini bermain dengan penuh bersemangat. Corak permainan mereka juga penuh kepantasan tapi mereka perlu tenang jika mendapat bola.

Apa yang saya perhatikan ialah pemain tidak cukup bergerak meminta bola atau mencari ruang. Walaupun begitu mereka ini jika dibimbing dengan baik boleh menjadi pasukan yang kuat," jelasnya.

Pinto juga tertarik dengan corak pemain dari Zainuddin Kassim yang menurutnya meskipun kecil tapi mempunyai kawalan dan pembacaan permainan yang baik.

Beliau juga memuji ketangkasan penjaga gol, Ali, telah menunjukkan permainan yang baik dan penuh semangat.





PARA pemain-pemain kedua buah pasukan melakukan pertengkaran di tengah padang permainan. Peristiwa berlaku selepas pemain-pemain kedua-dua pasukan melakukan pertengkaran di tengah padang permainan.



KETIBAAN Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Syed Zahiruddin bin Syed Hassan Al-Haj dan rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada 14 Oktober telah dialu-alukan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah (gambar atas). Sejurus selepas itu Tuan Yang Terutama diperkenalkan kepada pembesar-pembesar negara yang juga berada di Lapangan Terbang untuk mengalu-alukan ketibaan pelawat-pelawat dari Melaka itu. Gambar atas kanan Tuan Yang Terutama diperkenalkan kepada Yang Teramat Berhormat Penasihat Umum Kebawah D.Y.M.M. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa.



SEKITAR LAWATAN MELAKA TUN S



GAMBAR kiri kelihatan ketibaan T.Y.T. Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Syed Zahiruddin ke Stadium Negara Hassanali Bolkiah telah dialu-alukan oleh Timbalan Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Awang Haji Abd Mokti bin Haji Mohd. Daud dan Pemangku Ketua Pegawai Belia dan Sukan, Awang Talib bin Haji Berudin. Setelah diberi taklimat, pelawat-pelawat dibawa melawat ke sekitar stadium tersebut (bawah).





YANG DIPERTUA NEGERI RUDDIN KE BRUNEI

GAMBAR atas kanan kelihatan Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Melaka mendengar penerangan Y.B. Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Laila Utama Awang Haji Abd. Rahman, ketika Tuan Yang Terutama itu melawat Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan di Kampung Perpindahan.

GAMBAR atas kiri pula, isteri Tuan Yang Terutama, Toh Puan Hajjah Halimah (kiri) ketika dibawa menyaksikan latihan bertenun di Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan.



JADUAL pertama Lawatan Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Melaka dan rombongan ialah ke Pusat Latihan Pertanian Sinait pada hari Sabtu. Ketibaan Tuan Yang Terutama ke Pusat itu telah dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Pertanian, Awang Daniah Haji Hanafiah. Setelah diberi penerangan oleh Pengetua Pusat Ru, Awang Shari bin Haji Awg Besar, rombongan pelawat-pelawat dari Melaka itu dibawa ke beberapa bahagian untuk meninjau secara dekat seperti gambar-gambar atas dan kiri.

Pada hari Ahad, Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Melaka dan rombongan dibawa melawat Muzium Brunei di Kota Batu. Ketibaan Tuan Yang Terutama dan rombongan ke Muzium itu telah dialu-alukan oleh Pengarah Muzium, Awang Abd. Razak bin Haji Muhammad dan Timbalannya Awang Metussin bin Omar. Dengan diiringi oleh Pegawai Muzium, Tuan Yang Terutama dan rombongan dibawa menyaksikan bahagian-bahagian pameran di Muzium tersebut, seperti kelihatan gambar-gambar atas kanan dan kanan.



ROMBONGAN PELAWAT2 MELAKA KUNJUNGI TEMPAT2 MENARIK

TUTONG. — Rombongan pelawat-pelawat dari Melaka yang membuat lawatan rasmi ke negara ini telah membuat kunjungan ke Pusat Pertanian Shell di Sinaut Sabtu lalu.

Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Melaka dan rombongan telah dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Pertanian, Awang Daniah bin Haji Hanafiah, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, Pegawai-pegawai dari Shell, dan Pegawai-pegawai Pertanian.

Mereka telah diberikan taklimat dan penerangan ringkas yang berhubung dengan pertanian di negara ini, serta pentadbiran pertanian, yang disampaikan oleh Pengetua Pusat Pertanian Awang Shahri bin Haji Awg Besar.

Para pelawat kemudian dibawa melawat ke kawasan ladang ternakan lembu, kerbau, kambing, dan ayam, ke unit tanaman sayur-sayuran seluas kira-kira tiga ekar, ke bahagian tanaman sementara, bahagian tanaman kekal, dan bahagian bengkel pertanian.

Pemangku Pengarah Pertanian dan Pengetua Pusat tersebut telah menyampaikan cenderamata kepada Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Haji Syed Zahiruddin bin Syed Hassan Al-Haj serta Menteri Besar, Datuk Rahim Thamby Chik.

Mengakhiri lawatan mereka ke pusat tersebut ialah

menanam sebatang pokok palm oleh Tuan Yang Terutama sebagai tanda kenangan semasa lawatan tersebut.

Kesokan harinya TYT Tun Haji Syed Zahiruddin dan ahli-ahli rombongan yang terdiri dari isteri beliau Yang Berbahagia Toh Puan Hajjah Halimah bte Haji Noh, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka, Dato Abdul Rahim bin Datuk Thamby dan Datin, Yang Berbahagia Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka Dato Haji Zainal Abiddin bin Haji Nordin dan isteri dan ahli-ahli rombongan yang lain telah sempat melawat ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan di Kampung Perpin-dahan, di sini.

Ketibaan TYT dan rombongan di sana telah dialu-alukan oleh Pengarah Muzium Brunei Awg. Abd Razak bin Haji Muhammad dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Abd Rahman dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan yang lain.

Rombongan telah dibawa berkunjung ke bahagian tenunan, anyaman pertukangan tembaga, pertukangan perak, ke bahagian ukiran dan lain-lain bahagian hasil yang telah diusahakan oleh pelatih-pelatih pusat tersebut. Kunjungan di situ berakhir dengan persembahan cenderamata.

Lihat muka 24

Kemajuan bergantung kepada pelajaran

Dari muka 2

KAJIAN PELAJARAN

Di samping itu juga, guru-guru, baik yang berijazah atau tidak, haruslah memberi perhatian yang berat dalam bidang kajian yang meliputi aspek-aspek pelajaran. Kita tidak boleh menerima bulat-bulat laporan-laporan dan sokongan-sokongan yang dibuat di luar negara tanpa membuat perhitungan dan penilaian kita sendiri kerana laporan atau sokongan yang dibuat di luar negara itu sudah tentunya mempunyai asas dan penilaian yang tersendiri yang boleh jadi lain dari yang terdapat di negara kita.

Banyak bidang kajian yang meliputi aspek-aspek pelajaran dapat dijalankan oleh orang kita sendiri. Ini termasuklah misalnya:—

(a) Masalah kelemahan penuntut-penuntut kita dalam mata-mata pelajaran sains, matematik dan bahasa Inggeris.

(b) Performance penuntut-penuntut dari dalam dan luar bandar.

(c) Kesan menggunakan sistem peperiksaan dengan cara 'Multiple Choice' atau

aneka pilihan kepada penuntut-penuntut.

(d) Kesan keadaan rumah atau "home environment" dalam pelajaran.

Dan saya percaya banyak lagi topik-topik yang dapat difikirkan oleh Awang dan Dayang sekalian.

Dengan adanya kajian-kajian ini nanti yang dilaksanakan oleh orang-orang kita sendiri, maka saya percaya sebanyak sedikit sudah tentu akan dapat memperbaiki lagi nilai dan sistem pelajaran kita yang ada pada masa ini.

Sekianlah saja ucapan saya hari ini. Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Pemangku Pengarah Pelajaran, Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassanul Bolkiah Gadong dan pensyarah-pensyarah dan guru-guru Maktab ini kerana telah sudi menjemput saya hadir pada hari ini.

Dengan mengucapkan Bismillah Hirrahmanirrahim maka saya rasmikan pembukaan majlis Konvokesyen kali ke-11 Maktab Perguruan Sultan Hassanul Bolkiah Gadong.

PERJUMPAAN PENERANGAN DI LABI

(Lihat laporan penuh di muka 24)



ATAS — Pengarah Penerangan Awang Haji Badaruddin ketika menyampaikan ceramah di majlis perjumpaan itu. Manakala sebahagian dari penduduk-penduduk Mukim Labi yang menghadiri majlis itu.



SALAH seorang penduduk sedang mengajukan soalan kepada Pegaroh Penerangan dalam majlis tersebut.

Sebelum tertubuh Maktab Perguruan:—

Dari muka 9

BAKAL GURU BERLATIH KE SEBERANG LAUT

Menurut sejarahnya sebelum tertubuhnya Maktab Perguruan di Brunei, bakal-bakal guru dihantar ke seberang laut untuk menjalani latihan perguruan. Semenjak tahun 1930 an guru-guru pelatih di hantar ke Malaya iaitu di Maktab Sultan Idris Tanjung Malim Perak; Maktab Perguruan Perempuan Durian Daun, Melaka, dan Maktab Perguruan Kota Baharu, Kelantan. Di samping itu guru-guru pelatih juga dihantar ke Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching dan Maktab Perguruan Kent, Tuaran pada tahun 1950.

Maktab Perguruan yang

pertama bertempat di sebuah bangunan sementara, iaitu sebuah bangunan kajang yang terletak berhampiran dengan Sekolah Menengah SMJA sekarang. Maktab tersebut di kenali dengan nama Brunei Teacher's Training Centre (BTTC) dan pengambilan kumpulan pertama guru-guru pelatih seramai 20 orang telah dimulakan pada awal tahun 1957. Bangunan sementara itu dijadikan asrama manakala bilik-bilik kuliahnya menumpang di Maktab SOAS.

Pada tahun 1971 sebuah bangunan baru telah berdiri dengan megahnya yang

terletak di Jalan Gadong iaitu Maktab Perguruan Sultan Hassanul Bolkiah yang mana perasmianya telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Dari rangkaian sepatah kata Pengetua MPSHB seperti yang tercatat dalam buku program Majlis Konvokesyen ke-11, antara lain beliau menaruh harapan agar penuntut-penuntut yang kini telah menjadi guru-guru terlatih akan dapat menjalankan peranannya sebagai seorang guru yang berkeliber,

berdedikasi dan berkecekapan dengan identiti sebagai guru yang berkecayaan. ANGGAPLAH bahawa pendidikan adalah satu proses yang berterusan yang memerlukan kerjasama antara semua pihak. Oleh itu, kita sebagai guru haruslah berusaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan yang kita berikan kepada generasi muda. Kita haruslah bersedia untuk menerima cabaran dan perubahan yang datang dari masa ke masa. Kita haruslah berusaha untuk menjadi guru yang berkecayaan dan berdedikasi. Kita haruslah berusaha untuk menjadi guru yang berkecayaan dan berdedikasi. Kita haruslah berusaha untuk menjadi guru yang berkecayaan dan berdedikasi.

LAPORAN: TIMBANG BAKAR
AHAT ISMAIL
ABD. KARIM HAB

GAMBAR: HARUN RASHID

PERKEMBANGAN ISLAM BERMULA DARI MASJID

KG. PANCHOR MURAI. — Masjid memainkan peranan penting dalam penyebaran serta perkembangan pengetahuan Agama Islam yang mana bermula dari masjid-jah banyak hukuman Agama dapat disebarkan.

Begitulah antara lain yang dijelaskan oleh Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama semasa menyampaikan ucapan alu-aluan di Majlis Pembukaan Rasmi Masjid Kampung Panchor Murai bersempena menyambut awal tahun baru hijrah 1404, pada hari Jumaat lepas.

Majlis Pembukaan Rasmi Masjid tersebut telah disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Maharaja Anakda Pengiran Haji Ahmad ibni Al Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd. Yasin.

SEKOLAH TINGGI

"Malah masjid di zaman-zaman permulaan agama Islam, telah dijadikan Sekolah Tinggi dan melahirkan ulama-ulama serta ahli-ahli hijk pandai yang banyak," kata Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam.

Pembangunan masjid di negara ini, jelas Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam lagi adalah sebagai tanda yang nyata bagi usaha-usaha gih Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Brunei Darussalam pada menjadikan Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap.

Sehubungan dengan itu tambah Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam tidak syak lagi akan menimbulkan semangat rajin mendampingi diri pada masjid dalam mengukuhkan kerja-kerja yang bermanfaat

serta mengadakan kegiatan agama serta pelajaran untuk kebajikan anak-anak buah kampung.

BERFAEDAH

Dalam pada itu, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam menjelaskan bahawa kehadiran para jemaah di masjid adalah banyak menambahkan perkara-perkara yang berfaedah dapat diusahakan, seperti bersembahyang berjemaah dan cara memperbaiki sembahyang mengikut Imam selain pahalanya berlipat ganda.

Akhirnya Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam berharap, supaya dengan adanya masjid tersebut kegiatan di bidang keagamaan akan berkembang serta menambah kekhayusan beramal pada menambah ilmu agama yang mana perkara tersebut merupakan fardu ain kepada kita.

Terdahulu daripada itu Pengerusi Majlis Perasmian Masjid Kampung Panchor Murai Awang Hj. Ishak bin Abdullah juga menyampaikan ucapan yang antara lain menyebut tentang

perkembangan surau di kampung tersebut sehinggalah pembinaan masjid yang baru itu berharga kira-kira 300 ribu ringgit.

Majlis pada hari itu diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Kadi Daerah Brunei dan Muara, serta diselajurkan dengan menunaikan sembahyang fardu Jumaat berjemaah yang diimamkan oleh Y.D.M. Pehin Udana Khatib Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abd. Aziz bin Juned, Pemangku Kadi Besar.

BINA MASJID UNTUK KEUTUHAN UGAMA

KG. PANCHOR MURAI. — Tujuan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara

Brunei Darussalam membina masjid di negara ini bukanlah semata-mata untuk menunjukkan kepesatan kemajuannya, akan tetapi untuk

menyediakan kemudahan kepada rakyat untuk memelihara keutuhan dan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara.

Demikian dijelaskan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Anakda Pengiran Haji Ahmad ibni Al-Mahrum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd. Yasin ketika bersabda sejour sebelum merasmikan Masjid Kampung Panchor Murai kira-kira 15 batu dari ibu negara pada hari Jumaat 14 Oktober lepas.

Inilah masjid kedua yang dibuka rasmi bersempena dengan kedatangan awal tahun baru Hijrah 1404.

TIDAK PATUT

"Oleh kerana itu, adalah tidak patut masjid yang indah ini akan hanya hebat dari segi bangunannya, tetapi biarlah diannya hebat dengan ramainya penduduk-penduduk

Islam di Mukim Masjid ini menunaikan sembahyang lima waktu berjemaah, menunaikan sembahyang fardu Jumaat, menghadiri kelas dewasa agama, menghadiri ceramah-ceramah agama dan lain-lain aktiviti keislaman yang sesuai diadakan di masjid," Y.A.M. menyarankan.

Seterusnya Y.A.M. menyeru masyarakat Islam di mukim masjid tersebut supaya sentiasa berusaha memanfaatkan dan menggunakan masjid tersebut sebagai salah satu tempat yang berkesan untuk menyalur dan menyiarkan ilmu pengetahuan Islam selain dari sekolah-sekolah.

Untuk itu sabda Y.A.M. lagi, kerjasama yang tulus ikhlas dari semua pihak adalah perlu, kerana tanpa kerjasama sesuatu pekerjaan itu tidak akan dapat dilaksanakan dengan lincis teratur dan berkesan.



BANGUNAN Masjid Kampung Panchor Murai yang baru dibuka rasmi.

Pembinaan Surau tinggikan Syiar Islam

KG. BERIBI. — Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Ibrahim mengemukakan pembinaan Surau Kampung Beribi jelas memperlihatkan keazaman dan semangat penduduk kampung itu bagi meninggikan syiar Islam di kawasan tersebut.

Katanya, masjid atau tempat beribadah memainkan peranan yang penting bagi Umat Islam. Di sanalah satu alat yang dituntut oleh agama Islam iaitu sembahyang berjemaah dilaksanakan.

Ketika berucap sejour sebelum merasmikan Surau Kampung Beribi kira-kira 7 batu dari Bandar Seri

Begawan pada pagi Ahad 16 Oktober lepas. Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama menekankan dengan berkumpul beramai-ramai di rumah-rumah ibadat terutama bagi membincangkan soal-soal keagamaan akan menjadikan pekerjaan yang dilakukan itu menjadi bersih dan aman dari segala fitnah dan perselisihan disebabkan masing-masing yang hadir adalah dengan hati yang khushyuk dan ikhlas kerana Allah.

"Dengan tiadanya masjid atau tempat berkumpul berjemaah, bermesyuarat dalam perkara-perkara agama khususnya, umat Islam seolah-olah tersekat dan kurang semangat dan kurang sepakat," tegas Y.D.M. Pehin Tuan Imam lagi.

Pengerusi Majlis, Awang Haji Sukor bin Haji Pakar, Penghulu Mukim Gadong dalam kata-kata aluannya merakamkan penghargaan dan terima kasih beliau dan penduduk kampung tersebut kepada dermawan-dermawan dan pihak-pihak yang tertentu yang telah sama menghulurkan bantuan membiayai pembinaan surau yang menelan belanja kira-kira \$50,000.00 itu.


Awang Haji Sukor juga menjelaskan surau yang baru dirasmikan itu telah mula digunakan tahun lepas dengan berbagai-bagai kegiatan yang bercorak keagamaan dan kebajikan seperti sembahyang berjemaah, sembahyang Hari Raya, dan belajar agama.

Di akhir majlis satu cenderamata telah disam-

paikan kepada tetamu kehormat, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Yahya oleh Pengerusi majlis. Sementara doa selamat telah dibacakan oleh Y.D.M. Pehin Khatib Haji Ahmad bin Abd. Razak.

Majlis yang dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran itu kemudiannya diselajurkan dengan sembahyang Zuhur berjemaah yang diimamkan oleh Kadi Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Di antara yang hadir ialah Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, dan jemputan-jemputan khas.



Y.D.M. Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Yahya ketika berucap sejour sebelum menyempurnakan pembukaan rasmi Surau Kampung Beribi.

Penuntut2 dinasihatkan: JANGAN HANYA BERAksi DENGAN KACAMATA TEBAL

SERIA. — Penuntut-penuntut yang menerima hadiah kepujian Shell boleh memainkan peranan sebagai pemimpin di sekolah masing-masing serta menerapkan nilai yang baik di kalangan penuntut yang lain dan tidak seperti yang digambarkan dalam cerita-cerita komik di mana penuntut yang pintar beraksi dengan kacamata tebal dan sering kena 'bully' kerana tikus-tikus berkacamata tebal tidak akan dapat memimpin sesiapa.

Pemangku Pengarah Pelajaran, Dato Paduka Awang Selamat bin Munap menyatakan demikian sebelum majlis penyampaian Hadiah Kepujian Shell Brunei bagi penuntut-penuntut sekolah menengah dan maktab-maktab di seluruh negara tahun ini bertempat di Dewan Ria Kelab Penaga, Seria, pada pagi hari Rabu lepas.

Beliau berkata para ibu bapa telah lama memahami dan menghargai betapa pentingnya pelajaran kepada anak-anak sehingga ada yang sanggup mengorbankan wang untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah

Oleh: Muhaimin HM

di mana dari segi persepsi mereka lebih baik dan 'superior' jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah yang lain.

Dengan bertambahnya kanak-kanak yang memasuki alam persekolahan setiap tahun, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah membina sekolah-sekolah baru dan mengadakan banyak kemudahan-kemudahan persekolahan, di samping itu terdapatnya petanda-petanda yang menghimpakan khususnya bagi Jabatan Pelajaran di mana terdapat bilangan dan kadar-kadar kegagalan para penuntut di dalam peperiksaan terutamanya sijil Pelajaran Am peringkat biasa dan lanjutan sejak kebelakangan ini, ujarnya.

Menurut Dato Paduka Awang Selamat berpendapat berhubung dengan sebab-sebab kegagalan berbeza-beza dan semuanya dipengaruhi oleh pengalaman peringkat pencapaian pendidikan, kejuruan dan peringkat kedudukan masing-masing.

Meskipun demikian, masalah pelajaran merupakan masalah sosial dan setakat mana kita terpaksa menggunakan 'analytical apparatus' sains sosial untuk mendekati masalah-masalah itu maka setakat itulah juga kita tidak lepas daripada elemen-elemen teka-teki di dalam usaha untuk memahami dan memperbaiki masalah itu, jelasnya.

